

Dr. Chandra, Anuar Tahir didesak letak jawatan

Keadilan dilanda krisis

UM 27 MAY 2000

Oleh MARHAINIKAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 26 Mei — Kematangan kepemimpinan melanda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) apabila timbul desakan daripada pemimpin parti itu, termasuk melalui laman-laman web proreformasi supaya Timbalan Presidennya, Dr. Chandra Muzaffar dan Setiausaha Agung, Mohd. Anuar Tahir, meletakkan jawatan.

Empat laman web yang pro-Keadilan iaitu Laman Reformasi, Komentar, Pemantau dan Black 14 telah memulakan kempen 'bertafakur' mendesak pengunduran kedua-duanya dengan menutup akses ke laman mereka sebagai tanda protes, sejak Rabu lalu.

Utusan yang melayari sebuah lagi laman web reformasi iaitu Mahafiraun mendapati ia turut menyertai kempen itu mulai 11 pagi ini dengan kata-kata: bertafakur seketika... "Mendesak Reformasi Dalam Keadilan."

Sementara di Alor Setar, seramai 15 pemimpin dan anggota Pergerakan Pemuda parti Keadilan Kedah hari ini mengumumkan keluar daripada parti itu dan menyertai UMNO.

Kumpulan 15 orang itu diketuai oleh bekas Naib Ketua Pergerakan Pemuda Keadilan Kedah, Zuraidi Rahim, telah menemui Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang tiba di sini untuk lawatan sehari. Mereka dikatakan tidak senang dengan sikap Ketua Pergerakan Pemuda Keadilan Ezam Mohd. Noor.

Menging kari

Sambil mengulas perkembangan itu, Dr. Chandra dalam kenyataannya hari ini berkata beliau tidak akan bertolak ansur dengan budaya "menikam dari belakang" dan sebarang pengkhianatan politik.

Pengendali laman web, menurut laporan Malaysiakini juga mendesak Dr. Chandra dan Anuar supaya berundur bagi memberi ruang kepada muka-muka baru yang dianggap "lebih berupaya, telus dan jujur."

Pelawat ke laman web yang melancarkan kempen protes itu hanya dipaparkan halaman berwarna hitam yang melancarkan slogan antaranya menuntut "Reformasi Total Dalam Keadilan", "Mencari Sinar Dalam Keadilan" dan "Mendesak Reformasi Dalam Keadilan."

Laman Malaysiakini melaporkan, desakan yang diketuai oleh Laman Reformasi atau Mahazalim itu dibuat atas alasan bahawa Dr. Chandra dan Anuar mengingkari arahan pengasas parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengkhianati perjuangan reformasi.

Dalam surat kepada kedua-dua pemimpin itu bertarikh 23 Mei lalu, pengendali web menyalahkan Anuar sebagai punca perpecahan dalam Keadilan di Pahang, Terengganu, Sarawak, Sela-

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Keadilan dilanda krisis

UM 27 MAY 2000

ngor, Johor dan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Laman web antikera-jaan itu mula timbul sejak pemecatan Anwar daripada parti dan kerajaan.

Kesemuanya terutama Laman Reformasi atau Mahazalim aktif menyebarkan dakwah memburuk-burukkan kerajaan khususnya pemimpin UM-NO lebih-lebih lagi sepanjang pilihan raya umum yang lepas.

Bagaimanapun, Dr. Chandra dalam kenyataannya itu mempertikaikan desakan yang dibuat oleh laman-laman web berkenaan.

Menjejaskan

Beliau sebaliknya men- gaitkan desakan tersebut dengan manipulasi pihak tertentu untuk mengocak kestabilan parti itu menjelang pilihan raya kecil Telok Kemang pada 10 Jun ini.

“Desakan daripada indi-

vidu yang tidak dikenali di ruang siber dan dipancarkan menerusi laman web tertentu bertujuan menjejaskan kempen Keadilan di Telok Kemang,” tuduhnya.

Dr. Chandra mendakwa ada pihak yang memanipulasikan keadaan untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) sehingga sanggup berbohong dalam usaha menyingkirkan beliau dan Anuar.

“Anuar tidak bertanggungjawab dalam apa yang dikatakan ‘perpecahan’ dalam parti. Sebaliknya dia membantu mencari penyelesaian kepada masalah dalaman yang berlaku dalam parti ini.

“Saya pula tidak bertanggungjawab merangka strategi parti pada pilihan raya umum 1999,” katanya membela diri.

Beliau mendakwa sebagai pemimpin yang mengetuai rundingan pilihan raya lepas, telah berjaya mendapatkan lebih ba-

nyak kerusi Parlimen untuk Keadilan berbanding parti gabungan pembangkang lain.

Dr. Chandra juga menegaskan yang beliau memaikan peranan penting dalam memujuk rakan Barisan Alternatif menerima Anwar sebagai calon Perdana Menteri jika gabungan pembangkang memenangi pilihan raya umum lalu.

Rundingan

“Saya mempunyai hubungan yang mesra dengan Anwar,” katanya sebagai percubaan menolak dakwaan laman-laman web berkenaan.

Menurutnya, beliau telah mencuba sedaya-upaya membentuk hala tuju parti itu dalam menghadapi cabaran dari dalam dan luar yang semakin meningkat.

Sehingga hari ini, semua laman web terbabit masih lagi ‘bertafakur’ meneruskan bantahan.

Penyertaan laman web Mahafiraun dalam kempen tersebut dijangka menambahkan tekanan terhadap Keadilan menjelang persidangan tahunan parti itu pada 16 Jun ini.

Zuraidi dalam pada itu berkata, pihaknya mengambil keputusan keluar dari parti itu setelah beliau mendapat maklumat terbaru daripada orang yang paling dekat dengan Ezam.

“Saya yakin maklumat yang saya terima setelah menelitinya adalah sah. Saya dan rakan lain sudah tidak rasa senang dengan Ezam,” kata Exco Pergerakan Pemuda Pusat Keadilan kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Dr. Mahatbir.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan perlakuan Ezam yang tidak disenangi oleh beliau dan rakan-rakannya.